

**Teks Ucapan Aluan**  
**Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah**  
**Perasmian Penutupan Program 1Malaysia Zon Sabah (1BeST)**  
**16 Oktober 2010**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamualaikum WBT, selamat sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Y.B. Datuk Haji Hajiji Haji Mohd Noor

Menteri Kerajaan Tempatan & Perumahan Sabah

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan Universiti Malaysia Sabah

Wakil-Wakil daripada IPTA dan IPTS seluruh Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan, siswa-siswi serta para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan setinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi dipertemukan di sempena Majlis Perasmian Penutupan Program 1Malaysia Zon Sabah. Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hajiji Haji Mohd Noor, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada malam yang mulia ini. Sesungguhnya keprihatinan Yang Berhormat Datuk terhadap program seumpama ini adalah sangat kami hargai dan pastinya akan menjayakan lagi majlis yang amat bermakna ini.

Setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah juga kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus memberi sokongan sekaligus menjayakan program 1Best Malaysia. Tidak lupa juga kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur yang telah melaksanakan pelbagai persiapan sebelum dan semasa majlis demi kelicinan Program 1Malaysia Zon Sabah yang berakhir pada hari ini.

Para hadirin sekalian,

Sememangnya masa begitu pantas berlalu. Tanpa disedari kita telah melalui 3 hari yang penuh bermakna dan pada malam ini merupakan hari terakhir kita bersama-sama di dalam program ini. Saya percaya ramai diantara kita yang tidak puas dengan tempoh yang singkat ini kerana banyak ilmu yang telah diperolehi di samping rakan-rakan yang baru kita kenali. Saya difahamkan para peserta telah disajikan dengan pelbagai program termasuklah pertandingan pidato, syarahan, forum serta pelbagai pertandingan dan persembahan yang melengkapi program 1Malaysia pada kali ini. Saya mengharapkan para pelajar sekalian berjaya mendapatkan ilmu hasil daripada daya usaha yang dilaksanakan oleh seluruh tenaga kerja yang bertungkus lumus memberikan hasil yang berkualiti serta impak yang maksima kepada para pengunjung sepanjang program ini berlangsung. Sebagai satu daripada program yang mengangkat unsur-unsur adat tradisi sesuatu kaum maka wajarlah kita memberikan perhatian dan sokongan terhadap segala usaha-usaha untuk menyatupadukan kaum di negeri ini. Melalui program ini, kreativiti anak tempatan juga dapat dilihat dalam menterjemah realiti kehidupan khususnya di Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan suku kaum.

Hadirin dan Hadirat Sekalian

Program 1BeST Malaysia boleh dianggap sebagai wadah untuk mengungkap erti kesedaran dan tanggungjawab membina jambatan antara kaum. Elemen kebudayaan menjadi teras sekaligus memupuk semangat perpaduan yang utuh. Saya percaya tanpa jalinan budaya yang konsisten dan jitu, negara kita pastinya akan menjadi kucar kacir,

malahan sistem ekonomi juga akan runtuh. Jika dibandingkan di beberapa negara yang lain, telah banyak bukti yang memperlihatkan akibat-akibat daripada ketiadaan ikatan perpaduan dan dek perpecahan akibat ketaksuban pada pendirian masing-masing. Sehubungan itu, saya menyeru para pelajar sekalian supaya tidak begitu fanatik dan sentiasa mengamalkan konsep 1Malaysia yang boleh melahirkan rasa cinta terhadap perpaduan kaum yang telah terjalin seperti yang boleh kita lihat pada hari ini.

Sesungguhnya, saya begitu gembira melihat sambutan yang amat memberangsangkan yang ditunjukkan sepanjang program ini berlangsung. Saya yakin dan percaya segala pengorbanan yang dilakukan selama ini dengan semangat 1Malaysia tidak sia-sia demi untuk kesejahteraan dan masa depan kita bersama. Gabungan elemen intelektual, emosi, unsur naratif dapat dikongsi bersama dalam bahasa perpaduan iaitu bahasa Malaysia. Kupasan isu bersangkut paut dengan semangat nasionalisme, patriotisme malahan berkait rapat dengan soal agama adalah satu daripada pengisian program 1BeST Malaysia yang wajar diberikan perhatian oleh segenap lapisan masyarakat. Semangat 1Malaysia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri Dato Seri Mohd. Najib Tun Abdul razak bukan-lah retorik politik seperti yang dicanangkan oleh sesetengah pihak, tetapi ia harus dilihat dan diamati sebagai satu inspirasi dan aspirasi serta kesedaran untuk menggajak rakyat Malaysia bersatu hati, bersatu hala tuju dan bangkit bersama tanpa mengetepikan sesiapaun warganya.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Hajiji kerana sudi bersama-sama dengan kita pada malam ini sekaligus menyempurnakan majlis perasmian penutupan **Program 1Malaysia Zon Sabah** sebentar sahaja lagi. Syabas dan tahniah juga sekali lagi kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program yang amat bermanfaat ini. Semoga para peserta dapat memanfaatkan segala ilmu yang diperoleh sepanjang 3 hari program ini berlangsung.

Sekian, Terima Kasih.